



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**PERANGKAAN PEMBUATAN BULANAN, MALAYSIA,
DISEMBER 2025**

**Jualan sektor Pembuatan mencapai RM1.97 trilion;
tumbuh 4.2 peratus pada 2025**

PUTRAJAYA, 9 FEBRUARI 2026 - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Perangkaan Pembuatan Bulanan, Malaysia**, Disember 2025. Penerbitan ini memaparkan statistik nilai jualan, bilangan pekerja dan gaji & upah bagi sektor Pembuatan.

Mengulas prestasi jualan Pembuatan terkini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Nilai jualan sektor Pembuatan pada tahun 2025 mencapai RM1.97 trilion, meningkat 4.2 peratus (2024: 4.6%), sementara jualan pada Disember 2025 berjumlah RM168.6 bilion (6.4%). Peningkatan nilai jualan dalam sektor Pembuatan dipacu terutamanya oleh subsektor Peralatan elektrik & elektronik, tumbuh 12.6 peratus pada Disember 2025 (November 2025: 10.8%). Pertumbuhan ini turut disokong lagi oleh subsektor Makanan, Minuman dan Tembakau dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka, masing-masing meningkat sebanyak 10.4 peratus (November 2025: 7.7%) dan 5.3 peratus (November 2025: 3.4%). Perbandingan bagi bulan ke bulan, pertumbuhan nilai jualan susut 0.5 peratus, berbanding RM169.4 bilion yang direkodkan November 2025."

Pertumbuhan nilai jualan bagi industri berorientasikan eksport yang mewakili 70.4 peratus daripada jumlah jualan, bertambah baik 6.8 peratus pada Disember 2025 (November 2025: 4.6%). Prestasi ini terutamanya disumbangkan oleh peningkatan dalam Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal sebanyak 13.3 peratus (November 2025: 11.1%). Diikuti dengan Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan yang tumbuh 11.1 peratus (November 2025: 6.5%) serta Pembuatan kelengkapan elektrik (9.5%). Perbandingan dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan eksport menguncup 1.0 peratus (November 2025: -2.9%).

Begitu juga, industri berorientasikan domestik meningkat 5.6 peratus pada Disember 2025, selepas mencatatkan 4.6 peratus pada sebulan lalu. Peningkatan ini disumbang oleh kenaikan dalam industri Pembuatan produk pemprosesan makanan dengan 9.6 peratus pada Disember 2025 (November 2025: 8.9%); beserta dengan industri Pembuatan logam asas (6.5%); dan Pembuatan produk logam kecuali mesin &

kelengkapan (5.3%). Di samping itu, industri berorientasikan domestik meningkat 0.7 peratus berbanding bulan sebelumnya.

Mengulas mengenai bilangan pekerja, Ketua Perangkawan menyatakan, “Sejumlah 2.4 juta orang pekerja direkodkan dalam sektor ini pada Disember 2025, bertambah sebanyak 1.1 peratus (November 2025: 0.8%). Pertambahan ini dipacu terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (1.9%); Peralatan elektrik & elektronik (1.7%); dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (1.2%). Berasaskan bulan ke bulan, bilangan pekerja dalam sektor ini meningkat 0.1 peratus.

Seiring dengan itu, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga mencatatkan pengembangan 2.5 peratus (November 2025: 1.9%), berjumlah RM9.1 bilion pada Disember 2025. Tambahan pula, gaji & upah yang dibayar melonjak 7.7 peratus berbanding RM8.5 bilion yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Selanjutnya, nilai jualan bagi setiap pekerja mencatatkan RM69,502 (5.3%), manakala purata gaji & upah bagi setiap pekerja adalah RM3,756, meningkat 1.3 peratus tahun ke tahun.”

Pada suku tahun keempat 2025, nilai jualan sektor Pembuatan tumbuh sebanyak 5.8 peratus tahun ke tahun, mencapai RM509.5 bilion (ST3 2025: RM500.1 bilion, 3.5%). Peningkatan tersebut disokong oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (9.8%); Peralatan Elektrik & Elektronik (11.7%); dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (4.4%). Sementara itu, bilangan pekerja pada suku tahun berkenaan bertambah baik kepada 1.1 peratus (ST3 2025: 1.0%), manakala gaji & upah dibayar menaik 2.3 peratus.


Bagi merumuskan prestasi keseluruhan tahun 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Nilai jualan sektor Pembuatan mencapai RM1.97 trilion, melonjak sebanyak 4.2 peratus berbanding tahun 2024 (4.6%). Pada tahun berkenaan, bilangan pekerja bertambah sebanyak 1.1 peratus (2024: 1.0%) untuk merekodkan seramai 2.4 juta orang, manakala gaji & upah meningkat 2.0 peratus (2024: 1.5%) kepada RM101.2 bilion.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


**Carta 1: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Malaysia
Disember 2024 - Disember 2025**




**Carta 2: Pertumbuhan Jualan Subsektor Pembuatan, Malaysia,
November dan Disember 2025**




Carta 3: Nilai Jualan Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik bagi Sektor Pembuatan, Malaysia, Disember 2024 - Disember 2025




Carta 4: Pertumbuhan Tahun ke Tahun Nilai Jualan dalam Sektor Pembuatan



Carta 5: Pertumbuhan Tahun ke Tahun Bilangan Pekerja dalam Sektor Pembuatan



Carta 6: Pertumbuhan Tahun ke Tahun Gaji dan Upah dalam Sektor Pembuatan



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 FEBRUARI 2026**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**MONTHLY MANUFACTURING STATISTICS, MALAYSIA,
DECEMBER 2025**

**Sales of Manufacturing sector achieved RM1.97 trillion;
grew 4.2 per cent in 2025**

PUTRAJAYA, 9TH FEBRUARY 2026 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Monthly Manufacturing Statistics, Malaysia**, December 2025. This publication consists of statistics on sales value, number of employees and salaries & wages of Manufacturing sector.

Commenting on the latest Manufacturing sales performance, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, “The sales value of the Manufacturing sector in 2025 reached RM1.97 trillion, increased 4.2 per cent (2024: 4.6%), while the sales in December 2025 amounted to RM168.6 billion (6.4%). The growth of sales value in the Manufacturing sector was primarily driven by the the Electrical & electronics products, grew 12.6 per cent in December 2025 (November 2025: 10.8%). This growth was further supported by the Food, beverages & tobacco and Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products sub-sectors, which increased 10.4 per cent (November 2025: 7.7%) and 5.3 per cent (November 2025: 3.4%), respectively. Comparison by month on month, the sales value growth shrank by 0.5 per cent, as against RM169.4 billion recorded in November 2025.”

The sales value growth of export-oriented industries which representing 70.4 per cent of total sales, improved 6.8 per cent in December 2025 (November 2025: 4.6%). The performance was predominantly attributable to the increase in the Manufacture of computer, electronics & optical products at 13.3 per cent (November 2025: 11.1%). This was followed by Manufacture of vegetable & animal oils and fats which grew 11.1 per cent (November 2025: 6.5%), as well as Manufacture of electrical equipment (9.5%). Comparison with the preceding month, export oriented industries contracted 1.0 per cent (November 2025: -2.9%).

Similarly, the domestic-oriented industries increased by 5.6 per cent in December 2025, after registered 4.6 per cent a month ago. The increase was contributed by a rise in the Manufacture of food processing products at 9.6 per cent in December 2025 (November 2025: 8.9%); along with Manufacture of basic metals (6.5%); and the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment (5.3%)

industries. Besides that, domestic-oriented industries rose by 0.7 per cent as compared to the preceding month.

Commenting on the number of employees, the Chief Statistician Malaysia stated, “There are 2.4 million persons recorded in this sector during December 2025, augmented by 1.1 per cent (November 2025: 0.8%). The addition was mainly driven by the Food, beverages & tobacco (1.9%); Electrical & electronic products (1.7%); and Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (1.2%) sub-sectors. On a month-on-month basis, the number of employees in this sector increased 0.1 per cent.

On the same note, the salaries & wages paid in the Manufacturing sector also posted an expansion of 2.5 per cent (November 2025: 1.9%), amounted to RM9.1 billion in December 2025. In addition, the salaries & wages paid surged by 7.7 per cent as compared to RM8.5 billion recorded in the previous month. Subsequently, the sales value per employee registered RM69,502 (5.3%), while the average salaries & wages per employee was RM3,756, rose by 1.3 per cent year-on-year.”

In the fourth quarter of 2025, the sales value in the Manufacturing sector grew by 5.8 per cent year-on-year, achieved RM509.5 billion (Q3 2025: RM500.1 billion, 3.5%). The rise was supported by the Food, beverages & tobacco (9.8%); Electrical & Electronics Products (11.7%); and Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (4.4%) sub-sectors. Meanwhile, the number of employees during the quarter improved to 1.1 per cent (Q3 2025: 1.0%), while salaries & wages paid up by 2.3 per cent.


Summarising the overall performance for the year 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, “The sales value of the Manufacturing sector reached RM1.97 trillion, surged 4.2 per cent as against in 2024 (4.6%). During the year, the number of employees added by 1.1 per cent (2024: 1.0%) to record a total of 2.40 million persons, while salaries & wages rose by 2.0 per cent (2024: 1.5%) to RM101.2 billion.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “*Data Nadi Ekonomi Rakyat*”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Sales Value of the Manufacturing Sector, Malaysia
December 2024 – December 2025**



**Chart 2: Growth of Sales of Manufacturing by Sub-sector, Malaysia,
November and December 2025**




Chart 3: Sales Value of the Export and Domestic-oriented Industries for Manufacturing Sector, Malaysia, December 2024 – December 2025




Chart 4: The Year-on-Year Growth for Sales Value of the Manufacturing Sector




Chart 5: The Year-on-Year Growth for Number of Employees of the Manufacturing Sector





Chart 6: The Year-on-Year Growth for Salaries and Wages of the Manufacturing Sector



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
9 FEBRUARY 2026**